


Membangun MASYARAKAT MODEN Yang Berilmu & Berakhlak



Penyunting

Syamsul Bahri Andi Galigo
Khairunneezam Mohd Noor
Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Rozali
Rozita Abdullah



Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Membangun
**MASYARAKAT
MODEN**
Yang Berilmu & Berakhlak



Membangun **MASYARAKAT MODEN** Yang Berilmu & Berakhlak

Penyunting

Syamsul Bahri Andi Galigo
Khairunneezam Mohd Noor
Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Rozali
Rozita Abdullah

Terbitan



Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

2005

Cetakan Pertama 2005

© Hak cipta Kolej Universiti Islam Malaysia, 2005

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit

Diterbitkan di Malaysia oleh
FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
Tingkat 12, Menara A, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama,
Pandan Indah, Kuala Lumpur
Tel: 03-4289 2061/2063, Faks: 03-4289 2196

Dicetak di Malaysia oleh
Ampang Press Sdn. Bhd.
No. 6, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa
Batu 3½ Jalan Cheras, 56100 Kuala Lumpur
E-mail: ampress@streamyx.com

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Membangun masyarakat moedn yang berilmu dan berakhlak / penyunting

Syamsul Bahri Andi Galigo ... [et al.].

ISBN 983-2950-19-8

1. Da'wah (Islam). 2. Islamic ethics. 3. Globalization--Religious aspects--Islam. 4. Islamic and politics. 5. Islam and social problems.

I. Syamsul bahri Andi Galigo

297.74

Kandungan

<i>Senarai Penyumbang Artikel</i>	7
<i>Prakata</i>	9
<i>Pendahuluan</i>	11
Bab 1 Kedudukan Ilmu Sains dalam Hierarki Epistemologi Islam <i>Mohd Radhi Ibrahim</i>	17
Bab 2 Etika Politik dan Politik Dakwah <i>Prof. Madya Dr. Ali Yakub Matondang</i>	33
Bab 3 Dakwah Masa Kini : Isu dan Cabaran <i>Yuseri bin Ahmad</i>	45
Bab 4 Permasalahan Dakwah pada Era Globalisasi dan Usaha Mengatasinya <i>Dr. H. Abd. Rahim Arsyad</i>	55
Bab 5 Pendidikan Dakwah Islamiah: Kepentingan dan Model <i>Syamsul Bahri Andi Galigo</i>	67
Bab 6 Gejala Sosial & Penyelesaiannya dari Perspektif Tasawuf <i>Dr. Muhammad Yusuf Khalid</i>	81
Bab 7 Komunikasi Efektif di Tempat Kerja dan Hubungannya dengan Elemen Komunikasi dalam Kitab Injil <i>Selvarani a/p Kovil Pillai</i>	91

Bab 8	Asas dan Konsep Program Latihan Sumber Manusia dalam Organisasi <i>Khairunneezam bin Mohd Noor</i>	105
Bab 9	Da'wah of The Sufis in the West: With Special Reference to the Murabitun Worldwide Movement <i>Muhammad Yusuf Khalid</i>	141
Bab 10	The Study of Comparative Religion by Nur Al-Din Al-Raniri (D. 1666 C.E) <i>Mohd Rushdan Mohd Jailani</i>	153
Bab 11	Secularism from the Perspective of Islam: Preliminary Hypotheses <i>Abdul Karim Abdullah @ Leslie Terebessy</i>	165

Senarai Penyumbang Artikel

Dalam buku *Membangun Masyarakat Moden yang Berilmu dan Berakhlak*

1. Ali Yakub Matondang
Ph.D IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Profesor Madya dan Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
2. Syamsul Bahri Andi Galigo
Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia. Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
3. Muhammad Yusuf Khalid
Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia. Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
4. Mohd. Radhi Ibrahim
MA. Universiti Malaya. Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia. Sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D.
5. Selvarani a/p P. Kovil Pillai
M.Sc. Komunikasi Korporat, Universiti Putra Malaysia. Pengarah Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa, Kolej Universiti Islam Malaysia.
6. Asma Abdul Rahman
M.A Universiti Kebangsaan Malaysia. Pensyarah Unit Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Malaysia. Sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D.

7. Yuseri Ahmad
M.A (Usuluddin) Universiti Kebangsaan Malaysia. Pensyarah
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam
Malaysia.
8. Abdul Rahim Arsyad
Ph.D Al-Azhar. Bekas pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan
Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
9. Hersie Mohamed Hilole
Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bekas pensyarah Fakulti
Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
10. Iehsan M Hasen
Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia. Pensyarah Fakulti
Pengajian Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia.
11. Mahmoud Mohamed Ali
Ph.D (Afrika). Pensyarah Unit Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam
Malaysia.
12. Mostefa Cheikh Yahy
Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia. Pensyarah Fakulti
Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
13. Khairunneezam Mohd Noor
M.Sc (HRD) Universiti Teknologi Malaysia. Tutor Fakulti
Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
14. Mohd Rushdan Mohd Jailani
M.A (ISTAC). Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,
Kolej Universiti Islam Malaysia.
15. Leslie Terebessy @ Abdul Karim Abdullah
M.A Med (Toronto). Pensyarah Unit Bahasa Inggeris, Kolej
Universiti Islam Malaysia.

Prakata

Usaha memartabatkan ilmu pengetahuan dalam masyarakat merupakan sesuatu usaha yang perlu bersifat tekad dan berterusan. Penjanaan tradisi ilmu mengikut pandangan Islam adalah sesuatu yang amat mustahak. Kecemerlangan dan kredibiliti masyarakat yang berilmu merupakan penjana kesejahteraan hidup dalam dunia serba moden dan dinamik ini. Jika disorot lipatan sejarah masyarakat terdahulu, kecemerlangan dan kegemilangan satu-satu masyarakat itu berpaksikan kepada perkembangan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang yang jitu dan aktif. Ia menjadi lebih utuh dan bermakna dengan mencambahkan nilai-nilai positif dalam sosialisasi masyarakat tersebut melalui akhlak dan tatacara kehidupan yang murni dan mulia.

Sejajar dengan itu, buku yang bertajuk '*Membangun Masyarakat Moden Yang Berilmu Dan Berakhlak*' ini merupakan satu lagi usaha murni ahli-ahli akademik di universiti KUIM. Para ilmuan ini cuba untuk meneroka penulisan ilmiah yang selaras dengan bidang kepakaran dan pengalaman masing-masing yang terfokus kepada tujuan dan dasar yang sama iaitu untuk mewujudkan budaya ilmu yang menjadi pemangkin ke arah pembentukan masyarakat moden masa kini yang bermaklumat, berpengetahuan, dan progresif.

Kandungan setiap artikel dalam buku ini menterjemahkan keunggulan tradisi ilmu dalam masyarakat, terutamanya masyarakat Islam dari dulu hinggalah sekarang. Banyak idea, maklumat serta panduan yang cuba disampaikan untuk difikirkan oleh mereka yang menyokong tradisi perkembangan ilmu pengetahuan ini.

Kepada semua penyumbang artikel dan kumpulan editor, syabas dan tahniah diucapkan di atas kejayaan mereka menerbitkan buku ilmiah ini. Usaha mereka ini sebenarnya adalah kesinambungan kepada penjanaan konsep pengembangan ilmu pengetahuan yang berpaksikan Islam Hadhari yang alirannya masih diperjelaskan di kalangan

masyarakat Malaysia kini. Harapan agar buku ini bermanfaat dalam membentuk dan membangun masyarakat di zaman moden ini yang seimbang dari segi perkembangan ilmu pengetahuannya dengan nilai-nilai murni peribadi yang diserlahkan melalui akhlak dan budi pekerti yang mulia dan bestari.

Prof. Datin Dr. Hajah Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim
Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Kolej Universiti Islam Malaysia

Pendahuluan

Dalam era serba maju dan moden ini sudah tentulah masyarakat yang berilmu pengetahuan adalah pendokong utama kepada usaha memantapkan dan menjana pembangunan sesebuah negara yang bersifat tekal dan berterusan. Tanpa pemilikan ilmu pengetahuan yang sempurna, kemajuan dan kemodenan itu hanya tinggal pada nama sahaja dan bukan diserlahkan melalui ketamadunan masyarakatnya yang tidak berilmu pengetahuan. Dalam membicarakan tentang masyarakat yang berilmu pengetahuan, tidak sempurna ertinya jika sesebuah masyarakat itu tidak mengamalkan dan menonjolkan akhlak dan budi pekerti yang murni. Mewujudkan masyarakat yang berilmu mesti turut seiring dengan tuntutan mewujudkan masyarakat yang berakhlak dan berbudi pekerti mulia. Ia adalah kerana aras ilmu yang tinggi akan menjadi lebih mantap dengan wujudnya akhlak yang baik dan terpuji, lebih-lebih lagi pada zaman serba moden ini.

Buku yang bertajuk '*Membangun Masyarakat Moden Yang Berilmu Dan Berakhlak*' ini adalah himpunan beberapa artikel pilihan yang ditulis oleh para pensyarah Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), yang kebanyakannya telah pun dibentangkan dan dibahaskan melalui program Muzakarah Kepimpinan dan Pengurusan, anjuran Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan KUIM sepanjang tahun 2004 hingga 2005. Konteks perbincangan dalam kesemua artikel ini secara umumnya berpaksikan kepada beberapa bidang ilmu seperti pengajian Islam, dakwah, tasawuf, komunikasi dan pembangunan sumber manusia. Isu-isu yang dibincangkan dalam kesemua artikel ini secara umumnya cuba untuk menjelaskan dan memperihalkan inti pati yang perlu dihayati oleh masyarakat moden yang mahukan keseimbangan antara pemilikan ilmu pengetahuan yang mantap yang seiring dengan pengwujudan akhlak diri yang mulia.

Melalui artikel '*Kedudukan Ilmu Sains Dalam Hierarki Epistemologi Islam*' pula, pengarangnya mengajak kita untuk meneliti berkenaan kedudukan ilmu sains dalam konsep keilmuan Islam dan mengaitkannya dengan alat tertentu untuk melihat keagungan Allah SWT. Artikel '*Dakwah Masa Kini : Isu Dan Cabaran*' menghuraikan tentang proses dan fenomena dakwah pada masa kini yang menggagaskan beberapa isu dan cabaran yang perlu diberikan fokus untuk mendapatkan penyelesaian yang mantap dan berkesan yang sebenarnya terlalu mencabar kewibawaan para du'at.

Artikel '*Etika Politik Dan Politik Dakwah*' membahaskan tentang etika politik yang tidak hanya terbatas konsepnya kepada unsur pemerintahan dan kenegaraan semata-mata, tetapi perlu difahami keperluannya dalam mempertahankan hak-hak masyarakat, yang mana ia seterusnya digembleng aplikasinya dengan politik dakwah yang bermaksud kebijakan menangani aktiviti dakwah, termasuk menentukan pendekatan, kaedah serta cara menangani permasalahan dakwah baik internal mahupun eksternal.

'*Permasalahan Dakwah Di Era Globalisasi Dan Usaha Mengatasinya*' membincangkan beberapa permasalahan dakwah yang melanda dalam era globalisasi masa kini. Permasalahan-permasalahan ini kemudiannya dikaji dan usaha-usaha untuk mengatasinya disenaraikan bertujuan untuk memantapkan dan menyempurnakan usaha-usaha dakwah. '*Pendidikan Dakwah Islamiah: Kepentingan Dan Model*' adalah artikel yang menghuraikan secara eksplisit tentang kepentingan pendidikan dakwah Islam dan model yang boleh diaplikasikan dalam institusi pendidikan dakwah Islamiah.

'*Gejala Sosial & Penyelesaiannya Dari Perspektif Tasawuf*' adalah artikel yang mengupas secara umum tentang gejala-gejala sosial yang melanda masyarakat kini dan ia boleh diselesaikan berdasarkan pandangan ilmu tasawuf. Artikel '*Komunikasi Efektif Di Tempat Kerja Dan Hubungannya Dengan Elemen Komunikasi Dalam Kitab Injil*' memperincikan tentang sistem dan kaedah komunikasi yang berkesan di tempat kerja dan keselanjarnya dengan kaedah komunikasi yang diajarkan melalui Kitab Injil.

Program latihan sumber manusia dalam sesebuah organisasi adalah salah satu aktiviti terpenting dalam menjana pekerja yang mantap dan produktif dalam sesebuah organisasi. Melalui artikel '*Asas Dan Konsep Program Latihan Sumber Manusia Dalam Organisasi*', konsep program latihan sumber manusia dalam sesebuah organisasi diterjemahkan dan dihuraikan sebagai suatu bentuk pendedahan kepada pengaplikasian sistem latihan yang mantap dalam organisasi. Model-model pengurusan satu-satu program latihan sumber manusia dihuraikan mengikut tafsiran para bijak pandai dalam dunia pengurusan sumber manusia.

Kajian mengenai perbandingan agama melalui artikel '*Nur Al-Din Al-Raniri*' membincangkan tentang metodologi Raniri dalam konteks perbandingan agama, kepelbagaian dalam agama dan pendapat Raniri tentang pengabaiannya. Artikel ini cuba untuk mengutarakan definisi dan deskripsi Raniri terhadap agama dan kepercayaan sebelum Islam dalam Tibyannya.

'*Da'wah Of The Sufis In The West: With Special Reference To The Murabitun Worldwide Movement*' merupakan artikel yang memuatkan metodologi yang diaplikasikan oleh golongan ahli sufi. Ia turut membincangkan artikel-artikel yang ditulis oleh Shaykh Abdulqadir As-Sufi Al-Murabit. Melalui artikel '*Secularism from the Perspective of Islam*' hipotesis asas dibincangkan berkaitan dengan definisi sekularisme, signifikannya, hubung kaitnya dan pensejarahannya dan model berasaskan Islam.

Penjelasan yang diberikan dalam artikel bertajuk *تأثير الوسواس الشيطانية في عقيدة المسلم* cuba merungkai permasalahan ini kepada skop 'ilmiyat manusia dan jalan-jalan untuk menanganinya. Artikel ini berkisarkan tentang masalah waswas yang dialami oleh manusia secara umumnya dalam kehidupan sehari-hari. Huraian yang komprehensif diberikan meliputi dalil-dalil daripada Al-Quran, As-Sunnah dan pendapat-pendapat ulama Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Dalam artikel yang bertajuk *إشكاليات عقديّة في طريق الداعي المسلم المعاصر* pula menghuraikan permasalahan yang dialami oleh para Da'i kontemporari dalam inisiatif dakwah mereka untuk membentangkan

pemahaman konsep dan maksud Islam yang sebenar. Artikel ini memandu kepada pemahaman maksud Islam daripada pati atau صميم yang asal iaitu dalil-dalil daripada Al-Quran, As-Sunnah dan pendapat-pendapat ulama Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Seterusnya مفهوم الديمقراطية والحرية وواقع المسلمين اليوم؛ رؤية في القرآن الكريم menerangkan tentang pemahaman semula demokrasi, kebebasan serta realiti masyarakat Islam pada hari ini. Penulisan ini berupaya menjelaskan secara komprehensif bahawa Islam sebagai suatu sistem yang berupaya mengembalikan kebebasan yang diperlukan oleh manusia dalam memenuhi tuntutan-tuntutan fitrahnya.

Kemudiannya dalam artikel الأبعاد الأخلاقية للقيادة والإدارة في الإسلام, pendefinisian lengkap tentang akhlak dan perkaitannya dengan kepimpinan dan pengurusan akan cuba dihuraikan. Pendekatan yang bersifat perbandingan ini akan menggali penerapan maksud akhlak kepada kedua-dua bidang ini dan menampakkan perbezaan antara keduanya.

Dalam artikel حقيقة الإرهاب وسياقه في القرآن الكريم, pendefinisian semula perkataan keganasan cuba dibangkitkan melalui kaca mata Al-Quran Al-Karim. Kajian yang mendalam dan tepat terhadap perkataan keganasan daripada perspektif Bahasa Arab dan kewujudannya dalam Al-Quran Al-Karim akan dibentangkan untuk pemahaman yang mendalam terhadap isu keganasan dan perkaitannya dengan agama Islam seperti yang dimomokkan oleh sesetengah sarjana Barat.

Dalam فن التحفيز في ضوء الإسلام, penerangan yang mendalam akan diberikan berkenaan isu-isu motivasi menurut pandangan Islam. Perbandingan akan dibuat berdasarkan teori-teori motivasi Barat dan suluhan Agama Islam dalam isu yang berbangkit ini. Malah, 14 tips yang berharga akan diselitkan di hujung perbincangan dalam artikel ini sebagai panduan kepada para 'superiors' dalam sesebuah jabatan atau organisasi.

Demikianlah sinopsis ringkas 17 tajuk artikel yang dimuatkan di dalam buku ini. Walaupun secara dasarnya kesemua artikel tidak membincangkan secara langsung tentang usaha membangun masyarakat

moden yang berilmu dan berakhlak terpuji, namun konsep yang ingin diketengahkan melalui setiap tajuk artikel menjurus ke arah tersebut. Setiap ahli dalam masyarakat moden yang berilmu pengetahuan perlu sedar sesungguhnya akhlak yang baik dan sempurna adalah pemangkin kepada kemajuan dan kesejahteraan mereka dalam kehidupan mereka di dunia dan akhirat. Semoga buku ini memberikan manfaat dan sumbangan yang positif dalam usaha pembentukan masyarakat yang sejahtera di era moden yang serba mencabar ini.

Penyunting.

- 1 إشكاليات عقديّة في طريق الداعي المسلم المعاصر...1
للدكتور حرسى محمد حيلولة
- 2 تأثير الوسوس الشيطانية في عقيدة المسلم...13
للأستاذة أسماء عبد الرحمن
- 3 الإسلام ومفهوم الديمقراطية والحرية وواقع المسلمين اليوم: ...26
رؤية في القرآن الكريم والواقع
للدكتور إحسان موسى حسن الربيعي
- 4 الأبعاد الأخلاقية للقيادة والإدارة في الإسلام...38
للدكتور محمود محمد علي
- 5 حقيقة الإرهاب وسياقه في القرآن الكريم...54
للدكتور مصطفى الشيخ يحيى
- 6 فن التحفيز في ضوء الإسلام...70
للدكتور مصطفى الشيخ يحيى

MEMBANGUN MASYARAKAT MODEN YANG BERILMU & BERAKHLAK

Dalam era serba maju dan moden ini sudah tentulah masyarakat yang berilmu pengetahuan adalah pendokong utama kepada usaha memantapkan dan menjana pembangunan sesebuah negara yang bersifat tekal dan berterusan. Tanpa pemilikan ilmu pengetahuan yang sempurna, kemajuan dan kemodenan itu hanya tinggal pada nama sahaja dan bukan diserlahkan melalui ketamadunan masyarakatnya yang tidak berilmu pengetahuan. Dalam membicarakan tentang masyarakat yang berilmu pengetahuan, tidak sempurna ertinya jika sesebuah masyarakat itu tidak mengamalkan dan menonjolkan akhlak dan budi pekerti yang murni. Mewujudkan masyarakat yang berilmu mesti seiring dengan tuntutan mewujudkan masyarakat yang berakhlak dan berbudi pekerti mulia. Ia adalah kerana aras ilmu yang tinggi akan menjadi lebih mantap dengan wujudnya akhlak yang baik dan terpuji, lebih-lebih lagi pada zaman serba moden ini.

Buku ini adalah himpunan beberapa artikel pilihan yang ditulis oleh para pensyarah dan para intelek Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), yang kebanyakannya telah pun dibentangkan dan dibahaskan melalui program Muzakarah Kepimpinan dan Pengurusan, anjuran Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan KUIM sepanjang tahun 2004 hingga 2005. Konteks perbincangan dalam kesemua artikel ini secara umumnya berpaksikan kepada beberapa bidang ilmu seperti pengajian Islam, dakwah, tasawuf, komunikasi dan pembangunan sumber manusia. Isu-isu yang dibincangkan dalam kesemua artikel ini secara umumnya menjelaskan dan memperihalkan inti pati yang perlu dihayati oleh masyarakat moden yang mahukan keseimbangan antara pemilikan ilmu pengetahuan yang mantap yang seiring dengan pengwujudan akhlak diri yang mulia.

SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO, Ph.D (UK Malaysia) ialah Profesor Madya di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia.

KHAIRUNNEEZAM MOHD NOOR, M.Sc. HRD (Universiti Teknologi Malaysia) ialah tutor di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia.

WAN MOHD FAZRUL AZDI WAN ROZALI, Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam (KUIM) ialah tutor di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia.

ROZITA ABDULLAH, B.HSc (Communication) (Hons) (UIA) ialah tutor di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia.

ISBN 983-2950-19-8



9 789832 950196